# 78 kakitangan DBKL jadi pegawai integriti

KUALA LUMPUR: Seramai 78 kakitangan daripada pelbagai jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima sijil pentauliahan lantikan menjadi pegawai integriti sempena pelancaran Hari Integriti dan Kualiti DBKL di sini, semalam.

Malah, untuk memperkasakan lagi program berkenaan, DBKL mendapatkan kerjasama dari Akademi Badan Pencegah Rasuah untuk melatih pegawai dalam menghayati dengan lebih mendalam erti sebenar tugas yang baru diberikan kepada mereka.

Majlis penyampaian sijil lantikan itu disempurnakan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab Hakim Borhan.

Ab Hakim berkata, penganjuran program sebegini diharap dapat memberi kesedaran kepada warga kerja DBKL mengenai aspek penting menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah organisasi.

"Adalah menjadi tanggungjawab pihak perkuasa pempatan (PBT) memberi keselesaan kepada pelanggan berurusan dengannya," katanya ketika ditemui pada majlis itu di Auditorium DBKL, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup, Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran DBKL, Normah Malik serta Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan DBKL, Zulkifli Ibrahim.

Menurutnya, bagi menambah baik sistem perkhidmatan DBKL, beberapa peraturan sedia ada dikenal pasti diubah secara menyeluruh demi kemudahan orang ramai.

"Sebelum ini pengguna perlu menunggu tujuh hari ataupun 14 hari memperbaharui lesen perniagaan, diharapdapat dilakukan masa sehari," katanya.

LANCAR ..Ab Hakim menekan bebola kristal sebagai simbolik pelancaran Portal Integriti, semalam.